

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 27

Penyata kedudukan kewangan Perniagaan Khairah pada 31 Mei 2017 adalah seperti berikut:

Perniagaan Khairah			
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Mei 2017			
	RM		RM
Bangunan	48,000	Modal	71,200
Lengkapan	10,000	Akaun belum bayar	10,000
Perabot	4,000		
Inventori	8,000		
Akaun belum terima	6,000		
Bank	5,200		
	<hr/> 81,200		<hr/> 81,200
	<hr/>		<hr/>

Urus niaga Perniagaan Khairah sepanjang bulan Jun 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Bayar insurans bangunan dengan cek RM450
- (ii) Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM600 untuk kegunaan keluarga
- (iii) Terima cek daripada akaun belum terima RM1,200
- (iv) Menerima pinjaman dari bank RM20,000 dan daripada jumlah ini sebanyak RM7000 dibayar kepada akaun belum bayar. Bakinya dibankkan.
- (v) Beli barang niaga bernilai RM5,500 secara kredit
- (vi) Menjual perabot terpakai berharga RM500 kepada Billy secara cek. Nilai buku perabot itu adalah RM750.
- (vii) Jual satu perempat daripada stok secara cek dengan harga RM3,300.

Sediakan penyata kedudukan kewangan (format akaun) pada 30 Jun 2017. Tunjukkan jalan kerja secara berasingan dengan menggunakan jadual persamaan perakaunan yang sesuai.